

AMALAN GURU DALAM MELAKSANAKAN KEMAHIRAN LITERASI BAHASA MELAYU BAGI PROGRAM LINUS DI SEKOLAH RENDAH

(Teacher Practice in Implementation Malay Language Literacy Skills for LINUS Program in Primary School)

WAN NURZULIANA WAN AHMAD

Sekolah Kebangsaan Jalan Air Panas
Kementerian Pendidikan Malaysia
wanzuliana@gmail.com

Dihantar pada:
20 Disember 2018

Diterima pada:
18 Mac 2019

Koresponden:
wanzuliana@gmail.com

Abstrak: Program Intervensi LINUS (*Literacy and Numeracy Screening*) telah diperkenalkan KPM pada awal sesi persekolahan tahun 2010 dan merupakan satu pendekatan bersepadu yang telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah literasi bahasa Melayu dan numerasi seawal murid berada di Tahap 1 lagi. Kajian ini dijalankan untuk meneroka amalan guru dari segi kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa dalam pelaksanaan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi Program LINUS di sekolah rendah. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kes. Seramai tiga orang guru Pemulihan Khas yang terlibat secara langsung dalam pengajaran kemahiran literasi Bahasa Melayu program LINUS dipilih sebagai peserta kajian. Seorang guru dari Sekolah Kebangsaan (SK), seorang guru dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan seorang guru dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Instrumen kajian ialah temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Data temu bual dan pemerhatian dianalisis dengan menggunakan perisian ATLAS.ti. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru Pemulihan Khas di ketiga-tiga jenis sekolah rendah ini menggunakan kaedah pengajaran langsung, iaitu berpusatkan guru dalam pengajaran terhadap murid-murid LINUS. Bagi SJKT, pengajaran langsung ini dilakukan secara individu berbanding SK dan SJKC yang melakukan pembahagian kumpulan kecil, iaitu dua hingga tiga orang murid dalam satu sesi P&P mengikut tahap penguasaan kemahiran literasi murid. Walaupun murid LINUS ini diajar secara individu atau dalam kumpulan kecil, prosedur pengajaran langsung tetap diaplikasikan oleh guru, iaitu dimulakan dengan set induksi, latihan dan bimbingan sepenuhnya oleh guru, latihan sendiri dan penilaian guru. Implikasi penggunaan kaedah pengajaran langsung terhadap murid LINUS ini ialah guru-guru dapat mengenal pasti tahap pencapaian murid mengikut konstruk yang telah dikuasai, pengajaran guru terus berfokus kepada cara untuk meningkatkan tahap pencapaian kemahiran literasi murid dan dengan ini pengajaran guru menjadi lebih berkesan dan berkualiti.

Kata kunci: Amalan pengajaran guru, kemahiran literasi, Program LINUS, sekolah rendah

Abstract: The LINUS Intervention Program (*Literacy and Numeracy Screening*) was introduced by KPM at the beginning of the 2010 school session and is an integrated approach that has been implemented to address the problem of Malay literacy and numeracy as early as the pupils are in Level 1. This study was conducted to explore teacher's practice in terms of teaching quality, teaching level, incentive and time in the implementation of Malay literacy skills for LINUS Program in primary schools. The design of this study is a case study. Three Special Recovery Teacher who were directly involved in the teaching of Malay language literacy skills LINUS were selected as study participants. A teacher from Sekolah Kebangsaan (SK), Chinese National Type School (SJKC) and Tamil National Type School (SJKT). Research instruments are interviews, document analysis and observations. Data interviews and observations were analyzed using ATLAS.ti software. The results show that Special Recovery teachers in all three primary schools use direct teaching methods, which are teacher-centered in teaching on LINUS pupils. For SJKT, this direct teaching is done individually rather than the SK and SJKC which involves the division of small groups, two to three pupils in a T&L session according to the level of mastery of pupils literacy skills. Although LINUS pupils are taught individually or in small groups, direct teaching procedures are still applied by teachers, beginning with an induction set, training and full guidance by teachers, self-help and teacher assessment. The implication of the use of direct teaching methods for LINUS pupils is that teachers are able to identify the level of achievement of pupils according to the constructed constructs, teaching of teachers continues to focus on ways to improve the level of achievement of literacy skills of pupils and with this teaching of teachers become more effective and quality.

Keywords: Teacher practice, literacy skills, LINUS Program, primary school

PENGENALAN

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (*National Key Result Areas -NKRA*), KJabatan Perdana Menteri (2010) telah menasarkankan bahawa semua murid yang tidak mempunyai masalah pembelajaran, berkeupayaan menguasai asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun mengikuti pendidikan rendah menjelang 2012. Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius kerana murid yang tidak menguasai kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira) merupakan kumpulan yang berisiko keciciran dan berhadapan dengan kesukaran memenuhi keperluan melanjutkan pelajaran dan kerjaya. Sehubungan itu, Bahagian Pembangunan Kurikulum (KPM 2011) telah dipertanggung-jawabkan untuk menerajui usaha mengatasi masalah literasi dan numerasi dalam kalangan murid sekolah rendah. Oleh itu, bagi menambah baik program penguasaan asas literasi dan numerasi yang sedia ada, iaitu Program KIA2M, KPM telah memperkenalkan suatu program intervensi yang lebih bersistematik dikenali sebagai Program Literasi dan Numerasi. Program ini merupakan suatu pendekatan yang bersepadu supaya masalah literasi dan numerasi dapat dikesan dan dipulihkan seawal Tahap 1.

LINUS ialah akronim kepada perkataan LI (Literasi), NU (Numerasi) dan S (Saringan) atau Program Saringan Literasi dan Numerasi. LINUS disasarkan kepada murid-murid yang mempunyai masalah dalam 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Program LINUS ini mula dilaksanakan pada tahun 2010 yang melibatkan murid tahun satu di semua jenis sekolah rendah seluruh Malaysia. Namun begitu, dalam usaha ke arah mentransformasikan Sistem Pendidikan Negara, program LINUS turut diterapkan proses pemantapan dan telah dikenali sebagai LINUS 2.0. Program LINUS 2.0 yang telah diperkenalkan pada tahun 2013 ini memperkenalkan saringan literasi untuk bahasa Inggeris, berbanding sebelum ini saringan hanya melibatkan literasi bahasa Melayu dan numerasi untuk Matematik sahaja.

Dalam proses penambahbaikan ini, ia melibatkan enam saringan yang dijalankan daripada tahun satu hingga tiga dengan dua kali saringan setahun. Selain itu, dari segi latihan, modul LINUS dengan modul Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diselaraskan dan

sebanyak 12 konstruk literasi terlibat dalam pentaksiran saringan LINUS.

Program LINUS memperlihatkan penguasaan murid-murid tahap satu dalam literasi asas bahasa. Literasi asas ini merupakan keupayaan membaca, menulis dan memahami perkataan, ayat tunggal dan majmuk yang mudah (menggunakan kata hubung) dan mengaplikasikan pengetahuan dalam pembelajaran dan komunikasi harian. Kemahiran membaca dan menulis di peringkat sekolah rendah adalah kesinambungan kepada kemahiran yang sama di peringkat prasekolah (Chew Fong Peng 2015). Asas kepada penguasaan kedua-dua kemahiran telah dibina di peringkat prasekolah. Kandungan kurikulum prasekolah kebangsaan menekankan keupayaan murid mengucapkan binaan kata yang tertulis dan bercetak serta memahami makna perkataan atau ayat yang dibaca.

Keberkesanan pelaksanaan program ini amat bergantung kepada guru yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sistem pendidikan negara. Di dalam kelas guru berperanan sebagai pendidik, pemudah cara atau fasilitator. Guru yang pandai mendidik akan memudahkan murid memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala guru yang tidak pandai mendidik akan menyebabkan murid berasa bosan dan tidak memberi tumpuan di dalam kelas. Oleh itu, amalan guru di anggap berkesan terutama dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) apabila guru tersebut berupaya mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar yang menarik serta mendalami isi kandungan yang hendak diajar.

Guru juga perlu mengetahui kebolehan murid dalam menerima pelajaran, memberi motivasi kepada murid serta mengawal tingkah laku murid (Zamri et al. 2015). Justeru, P&P yang berkesan merupakan kebolehan guru untuk mengajar dengan baik dan berkesan serta dalam masa yang sama dapat menangani segala permasalahan murid dan memotivasikan anak didiknya itu untuk terus belajar bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

KPM menyedari bahawa ketidakupayaan murid untuk menguasai literasi mungkin disebabkan minda mereka lambat menerima pengajaran guru atau mereka ini menghadapi masalah pembelajaran. Oleh sebab itu, KPM memberi peluang kepada murid ini untuk

mengikuti program LINUS di tahun dua pada tahun berikutnya. Program ini perlu diberi perhatian yang serius kerana murid yang tidak menguasai kemahiran asas 3M merupakan kumpulan yang berisiko keciciran dan berhadapan dengan kesukaran memenuhi keperluan melanjutkan pelajaran dan kerjaya.

PERNYATAAN MASALAH

P&P abad 21 ini memerlukan guru yang sanggup dan bersedia mengharungi segala perubahan dalam pendidikan. Perubahan atau transformasi ini akan turut memberi kesan ke atas amalan guru LINUS dalam pelaksanaan P&P. Guru LINUS akan gagal mendidik murid-murid bermasalah pembelajaran ini dan seterusnya boleh menggagalkan program LINUS sekiranya masih tidak mahu menerima perubahan sama ada dari segi kurikulum atau pendekatan pengajaran. Perkembangan dan perubahan kurikulum adalah suatu kegiatan yang amat penting dalam memperbaiki mutu pendidikan.

Masih terdapat kelemahan dan kekurangan dalam pelaksanaan dan pengurusan program LINUS khususnya dari segi amalan guru dalam pelaksanaan kemahiran literasi Bahasa Melayu. Mahzan (2008) menyatakan bahawa amalan pengajaran guru tidak berubah walaupun kurikulum dan bahan pengajaran telah diperbaharui. Pernyataan ini disokong oleh Saemah dan Zamri (2017) yang menyatakan kebanyakan inovasi P&P dan perubahan di peringkat sekolah tidak berjaya dilaksanakan dengan berkesan.

Permasalahan seterusnya ialah penguasaan murid dalam literasi Bahasa Melayu masih di tahap tidak boleh dibanggakan, iaitu masih terdapat murid tidak melepasi ujian saringan LINUS dan dikategorikan LINUS tegar terutama murid-murid yang mempunyai latar belakang keluarga bermasalah. Statistik menunjukkan terdapat segelintir murid LINUS (3%) dalam saringan khas yang telah diadakan masih tidak dapat menguasai kemahiran literasi bahasa semasa melalui proses pengajaran dan pembelajaran di kelas arus perdana (berdasarkan keputusan saringan khas seluruh negara (April 2012) dan saringan enam (97-94%) (KPM 2013). Selain itu, Data *Program for International Student Assessment* (PISA) tahun 2009 menunjukkan skor

min literasi bacaan dalam kalangan murid berusia 14 tahun di negara kita adalah di bawah pencapaian min semua negara *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD 1999). Ini menunjukkan satu kajian terperinci diperlukan untuk mengkaji senario pelaksanaan kemahiran literasi bahasa dalam program LINUS di sekolah rendah.

Murid-murid lembam yang perlu mengikuti program LINUS ini kebanyakannya terdiri daripada murid-murid yang berasal daripada keluarga yang bermasalah misalnya ibu bapa yang bercerai dan sering bergaduh, kemiskinan dan mengalami masalah kewangan. Roselan (2003) menyatakan bahawa masalah pencapaian yang rendah atau masalah pembelajaran murid kebiasaannya dipengaruhi oleh faktor psikologi, biologi dan persekitaran. Tahap kecerdasan dan psikologi yang rendah dalam kalangan murid adalah akibat pelbagai faktor genetik, kecacatan fizikal murid, persekitaran yang cenderung menimbulkan masalah untuk mempelajari dan mengingati sesuatu yang diajar oleh guru.

Permasalahan murid-murid LINUS ini memerlukan sikap keprihatinan pihak pentadbir sekolah, iaitu guru-guru, pemimpin dan bahagian pengurusan sekolah. Kajian oleh Chew Fong Peng (2015) menunjukkan bahawa guru umpama ibu bapa kedua bagi murid-murid dan guru perlu mendidik murid-murid lebih daripada konteks pembelajaran di dalam bilik darjah. Tanggungjawab guru semakin terbeban apabila pihak berkepentingan, ibu bapa dan pihak sekolah mahukan kejayaan cemerlang terutama dalam program LINUS. Oleh itu, tumpuan guru-guru terhadap murid-murid LINUS ini sangat terhad, di samping beban kerja pentadbiran yang lain.

Menurut Hasnalee dan Zulkifley (2011), dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jam mengajar guru dengan kemahiran membaca dan memahami murid intervensi LINUS. Ini dibuktikan apabila pengkaji mendapati kebanyakan guru hanya menunjukkan 1 hingga 2 jam seminggu bagi mengendalikan kelas LINUS. Hanya 12.0 peratus mengajar LINUS selama 3 jam dan 6.0 peratus mengajar LINUS melebihi 4 jam seminggu. Peruntukan masa yang begitu sedikit iaitu 1 hingga 2 jam seminggu (41.0%) mendatangkan kesan kepada kemahiran membaca murid-murid LINUS. Dapatan kajian memberi

gambaran kepada kita bahawa faktor peruntukan waktu dalam pengajaran dan pembelajaran kelas LINUS adalah penting. Semakin lama masa guru diberikan kepada murid LINUS, maka semakin mudah mereka menguasai kemahiran membaca dan memahami sesuatu perenggan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengkaji amalan guru dalam pelaksanaan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi program LINUS di sekolah rendah. Secara khusus, kajian yang dilaksanakan ini bertujuan untuk: Meneroka amalan guru dalam pelaksanaan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi program LINUS di sekolah rendah dari segi kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes yang melibatkan kaedah pemerhatian, temu bual mendalam dan analisis dokumen.

Peserta Kajian

Bagi menentukan pemilihan peserta kajian, pengkaji menggunakan teknik *judgement sampling* (Noraini 2010). Teknik ini membenarkan pengkaji menggunakan akal, peluang, masa yang ada dan persoalan kajian sebagai kriteria dalam pemilihan peserta kajian. Berdasarkan perkara tersebut, tiga kriteria ditetapkan pengkaji untuk memilih peserta kajian. Antara kriteria peserta kajian yang ditentukan oleh pengkaji ialah:

1. Guru yang mengajar dan melaksanakan program LINUS bahasa Melayu.
2. Guru LINUS yang dipilih bersetuju menjadi peserta kajian dalam kajian ini.

Lokasi Kajian

Ketiga-tiga jenis sekolah rendah, iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil telah dijadikan sebagai lokasi kajian kerana mempunyai kriteria lokasi yang ditetapkan oleh pengkaji dan

bertepatan dengan kehendak kajian yang bakal dilaksanakan.

Kaedah Pengumpulan Data

Secara umumnya, pengumpulan data kualitatif boleh dirumuskan seperti dalam Jadual 1. Pengumpulan data kualitatif melibatkan tiga orang guru dari tiga buah sekolah rendah yang berbeza. Temu bual sebagai alat utama pengumpulan data akan dilakukan antara tiga hingga enam kali bagi setiap peserta kajian. Pemerhatian yang dilakukan untuk menyokong data utama akan dilakukan sebanyak lima kali bagi setiap peserta kajian atau sehingga mencapai tahap tepu pengumpulan data. Analisis dokumen pula akan dilakukan sepanjang proses kajian atau pertemuan antara pengkaji dan peserta kajian yang akan melibatkan analisis buku rancangan mengajar, minit mesyuarat, laporan data murid dan semua dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

JADUAL 1. Kekerapan pengumpulan data kualitatif

Bil	Perkara	Kekerapan
1	Temu bual (3 orang guru LINUS)	3 hingga 6 kali
2	Pemerhatian (3 orang guru LINUS)	5 kali
3	Analisis Dokumen	Sepanjang proses kajian

Analisis Data

Setelah menjalankan kajian rintis, kajian sebenar dilakukan dengan menemu bual tiga orang guru LINUS di sekolah rendah. Data kualitatif dianalisis menggunakan Program Atlas.Ti. Data kualitatif merupakan data yang diperoleh pengkaji melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data ini perlu ditukarkan ke bentuk teks atau transkrip. Semua temu bual yang dijalankan oleh pengkaji ditulis dalam bentuk dialog untuk mengekalkan keaslian kata-kata yang ditranskripsikan.

DAPATAN KAJIAN

Amalan Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Literasi Bahasa Melayu dari Segi Kualiti Pengajaran

Jadual 2 menunjukkan dapatan hasil temubual pengkaji dengan guru LINUS (GL) bagi amalan guru dalam pelaksanaan kemahiran literasi bahasa Melayu dari segi kualiti pengajaran.

Jadual 2 : Amalan guru dalam pelaksanaan kemahiran literasi bahasa Melayu dari segi kualiti pengajaran

Bil	Kualiti Pengajaran	GL1	GL2	GL3	Jumlah GL
1.	Pengalaman mengajar				
a.	kurang 3 tahun		/	/	2
b.	lebih 3 tahun	/			1
2.	Persediaan mengajar				
a.	sebelum mengajar	/	/	/	3
b.	ketika mengajar				
c.	selepas mengajar				
3.	Rancangan Pengajaran Harian (RPH)				
a.	Tulis			/	1
b.	Print dan tampal	/	/		2
4.	Kaedah mengajar				
a.	Proses pengajaran langsung	/	/	/	3
b.	Berkumpulan	/	/	/	3
c.	Individu (<i>one to one</i>)	/	/	/	3
d.	Ikut Kemahiran konstruk	/	/	/	3
	Jumlah kekerapan	7	7	7	21

Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga GL di sekolah rendah menggunakan kaedah pengajaran secara langsung atau berpusatkan guru kepada murid-murid LINUS. Dalam kaedah pengajaran langsung ini, guru memberi bimbingan sepenuhnya kepada murid di dalam kelas. Antara ciri-ciri pengajaran langsung yang jelas dilihat melalui hasil kajian ini ialah guru mengajar secara individu (*one to one*) khususnya kepada murid LINUS yang lemah atau masih belum menguasai kemahiran literasi bahasa. Ini terbukti dalam hasil temu bual bersama GL1 SK.

...tahun dua saja satu kelas dia enam orang tapi kemahiran yang berbeza-beza...yang tak boleh capai. Saya kena *one to one*.. kena ajar sini kejap lepas tu kat sana. Bagi dia orang kerja buat latihan

lepas itu saya tengok sini...macam itu. (GL1/SK/TB).

Mengajar secara individu ini membolehkan GL lebih fokus kepada seseorang murid dan dapat mengenalpasti tahap serta kemahiran yang telah dikuasai oleh murid. Terdapat 12 konstruk yang perlu dikuasai oleh murid dalam literasi bahasa Melayu. Oleh yang demikian, pengajaran secara langsung yang bersifat *one to one* ini memudahkan guru memberi tumpuan kepada murid berdasarkan tahap kemahiran atau konstruk yang telah dikuasai dengan memberi aktiviti yang sesuai. Hal ini dibuktikan dengan skrip temubual bersama GL1.

Sebab saya tak boleh ikut melainkan semua orang kemahiran yang sama tu oklah... ini kemahiran satu orang lain... lain-lain yang lain... so tak boleh ajar secara menyeluruh... kena ajar *one to one* juga (GL1/SK/TB)

Selain itu, terdapat GL yang mengaplikasikan kaedah pengajaran langsung ini secara pembahagian kumpulan. Murid-murid LINUS dikelompokkan dalam kumpulan yang kecil, iaitu dua atau tiga orang murid namun masih berpusatkan guru. Murid-murid ini dikelompokkan mengikut tahap kemahiran atau konstruk yang telah mereka kuasai. Pengkaji mendapati GL membahagikan murid-murid LINUS ini dalam kumpulan yang kecil kerana dalam satu masa sesi P&P terdapat tiga hingga lapan orang murid. Oleh itu, mereka diberi lembaran kerja dan aktiviti yang berbeza mengikut kumpulan masing-masing. Ini terbukti dengan temu bual bersama GL3 SJKT.

Tapi biasanya kemahiran dia tu tak lari jauh...kita akan kelompokkan dia kepada tiga kumpulan yang...cerdas...yang sederhana... yang lemah... yang lemah tu memerlukan betul-betul penumpuan guru...yang cerdas tu biasanya dah boleh buat sendiri...kita hanya bagi guide saja dia terus boleh buat...(GL3/SJKT/TB)

Hasil kajian mendapati murid LINUS yang terlalu lemah misalnya masih tidak mengenal abjad diajar secara individu oleh GL. Murid-murid ini perlu diberi tumpuan yang lebih dengan aktiviti serta lembaran kerja yang khusus. Situasi ini amat berkesan bagi memudahkan murid menguasai konstruk satu dengan lebih cepat. Apabila mereka sudah mengenal huruf atau abjad, barulah mereka

boleh dikelompokkan dalam kumpulan-kumpulan kecil yang telah ditetapkan oleh guru.

Dalam kaedah pengajaran secara langsung guru perlu bijak memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang dapat memberi kefahaman kepada murid bermasalah pembelajaran. Proses pembelajaran akan digerakkan dan dikembangkan oleh guru dan guru bertindak sebagai pembimbing dan fasilitator. Strategi pengajaran langsung ini memerlukan beberapa prosedur pengajaran bagi menjamin keberkesannya kerana ia bersifat tersusun dan dijalankan mengikut langkah demi langkah dalam satu sesi P&P. Melalui kajian ini, prosedur yang melibatkan langkah demi langkah ini dibuktikan dalam hasil temu bual bersama GL2 SJKC.

Pertama. Saya mesti adakan sesi PnP secara kelas... kaedah berkumpulan yang pertama.. saya terangkan dulu isi kandungan PnP pada hari tu apa yang dia boleh buat...kemahiran yang dia perlu laksanakan. Kemudian langkah kedua biasanya saya akan beri lembaran kerja untuk uji sama ada dia faham atau tak perkara yang saya sampaikan tu...kaedah dia kalau lembaran kerja ni biasanya secara individu untuk kita lebih. Kita dapat tahu lebih mendalam tentang penguasaan dia ..kemudian mesti ada aktiviti permainan yang dimainkan secara berkumpulan untuk tarik minat pelajar untuk memahami isi kandungan pembelajaran dengan lebih baik. (GL3/SJKC/TB)

Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati guru-guru LINUS ini telah berupaya menyampaikan isi pengajaran dengan baik dan berkesan bersesuaian dengan tahap kebolehan murid-murid LINUS yang menghadapi masalah pembelajaran. Kaedah pengajaran secara langsung ini merupakan kaedah yang paling berkesan untuk mengajar murid-murid ini. Selain memudahkan guru memberi tumpuan kepada cara meningkatkan penguasaan murid terhadap kemahiran literasi bahasa, guru juga dapat mengenal pasti tahap pencapaian murid-murid LINUS ini. Oleh yang demikian, proses P&P seperti ini dapat meningkatkan pencapaian murid dalam menguasai kemahiran literasi bahasa, khususnya membaca dan menulis.

Amalan Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Literasi Bahasa Melayu dari Segi Kesesuaian Aras Pengajaran

Kesesuaian aras pengajaran bermaksud aras kesesuaian pengajaran guru dan kesediaan murid untuk belajar. Sesuatu pengajaran itu haruslah sesuai dengan tahap kebolehan dan keupayaan murid, iaitu aras pengajaran yang tinggi untuk murid yang cerdas dan aras pengajaran yang rendah untuk murid lemah. Murid-murid LINUS ini merupakan murid bermasalah pembelajaran yang memerlukan aras pengajaran guru mengikut keupayaan mereka yang masih rendah. Guru perlu mengasingkan murid mengikut kemahiran atau pencapaian mereka dan boleh mengadakan pengajaran secara individu.

Jadual 3 : Amalan guru dalam pelaksanaan kemahiran literasi bahasa Melayu dari segi kesesuaian aras pengajaran

Bil	Kesesuaian aras pengajaran	GL1	GL2	GL3	Jumlah GL
1.	Tahap Murid				
a.	Telah menguasai		/	/	1
b.	Sederhana menguasai		/	/	2
c.	Lemah menguasai	/	/	/	3
2.	Sikap Murid		/	/	2
a.	Lemah ingatan	/	/	/	3
b.	Tidak buat kerja sekolah	/	/	/	2
c.	Meniru		/	/	1
d.	Tidak tumpu perhatian	/	/	/	3
e.	Pendiam		/	/	1
f.	Kesediaan belajar		/	/	1
g.	Mahu belajar	/			1
h.	Tidak aktif	/			1
g.	Aktif	/			1
Jumlah kekerapan		7	9	6	22

Jadual 3 menunjukkan dapatan hasil temu bual pengkaji dengan GL bagi amalan guru dalam pelaksanaan kemahiran literasi Bahasa Melayu dari segi kesesuaian aras pengajaran. Dapatan kajian mendapati bahawa ketiga-tiga guru mengajar murid-murid LINUS mengikut tahap kebolehan murid. Mereka mengajar murid-murid LINUS tahun dua dan tiga yang masih belum menguasai konstruk satu dan dua, iaitu belum mengenal abjad dan tidak tahu menulis. Hal ini terbukti melalui temu bual bersama GL3 SJKT.

Ya. Memang saya ikut kebolehan. Ikut kebolehan konstruk dan aktiviti. Berbeza...tapi tiga tahap yang sama lima lagi berbeza...tiga tu macam cerdas lah...boleh baca lancar...Cuma saya tak boleh lepaskan lagi sebab dia tak kuasai lagi kemahiran membuat ayat semua itu. Ya membaca...daripada menulis. Sebab menulis dia nak kena pindahkan pula kepada bentuk simbol...so dia memang macam susah orang kata...dia boleh eja macam *ma/las... MA ma LAS las...*tapi bila tulis tu mana huruf M macam mana huruf A... dia macam konfius kat situ...memang lambat ah menulis ni. (/GL3/SJKT/TB2)

Selain itu, kesediaan murid untuk belajar juga menentukan potensi dan tahap penguasaan murid. Hal ini bergantung pada sikap murid itu sendiri. Hasil kajian mendapati kebanyakan murid LINUS mudah lupa pengajaran guru, tidak tumpu perhatian di dalam kelas, tidak aktif dan tidak membuat kerja rumah yang diberi oleh guru. Hal ini terbukti melalui temu bual bersama GL2 SJKC.

Mudah lupa. Mungkin mereka akan salin...salin kawan lain punya ah...takkan suruh ibu bapa buat. Kalau ada seorang sudah dapat jawapan mereka akan salin... macam tu lah... adalah itu yang perempuan Michell E dia tahu salin. Dia bukan pendiam dia...tak tumpu perhatian... kalau kamu jawab dengan dia, dia akan jawab punya... akan jawab tapi masa kelas tu dia senyap. Semasa nak suruh dia baca nak suruh nama dia baru akan baca. Kalau tak dia mulut buka sikit-sikit... macam tu lah...Adalah... ada sikap mahu belajar. Hanya itu Nor Ahmad... kesian dia selalu tak datang kelas.. Dia tahun lepas Tahun 1 pun ajar selalu tak datang, selalu lewat, suka tidur di dalam kelas. Dia minat belajar agak rendah lah. Kesediaan mereka... ada bawak pencil box, alat tulis yang ada bawak alat tulis lah... kesediaan ini kira kesediaanlah. (GL2/SJKC/TB2)

Amalan Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Literasi Bahasa Melayu dari Segi Insentif

Jadual 4 menunjukkan dapatan hasil temubual pengkaji dengan GL bagi amalan guru dalam pelaksanaan kemahiran literasi bahasa Melayu dari segi insentif. Insentif bermaksud kebolehan guru memuaskankan murid bermotivasi tinggi untuk terus belajar dan menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru. Guru memberi insentif kepada murid dengan cara memberi ganjaran atau pujian kepada murid yang dapat menguasai kemahiran atau

memberi dendaan kepada murid yang tidak dapat menguasai sesuatu kemahiran.

Setelah kajian yang dijalankan di ketiga-tiga jenis sekolah rendah ini, jelas menunjukkan bahawa GL telah memberi pelbagai bentuk insentif kepada murid-murid LINUS sebagai galakan dan sokongan kepada mereka untuk terus belajar membaca dan menulis. Setiap guru menyediakan insentif dengan pelbagai cara, misalnya cop penilaian guru terhadap hasil kerja murid, simbol bintang atau 'star', hadiah seperti alat tulis dan coklat. Hal ini terbukti melalui hasil temu bual bersama GL1 SK.

Saya ada bagi cop...ada sticker. Ada cop... dia orang baca ni bagi star ke...Kadang-kadang dia ada book...lembaran kerja...hadiah yang kecil-kecil lah pensel, alat tulis...pernah bagi coklat...apa yang ada tu bagi lah...Ada...mintak jer...dia datang terus tanya nak coklat cikgu...tak boleh kena belajar dulu baca dulu...baca dulu nanti saya bagi lepas itu dia orang baca nanti saya bagi (GL1/SK/TB3).

Jadual 4 : Amalan guru dalam pelaksanaan kemahiran literasi bahasa Melayu dari segi insentif

Bil Insentif	GL1	GL2	GL3	Jumlah GL
1. Ganjaran				
a. Simbol bintang		/		1
b. Sticker,cop	/			1
c. Hadiah	/		/	2
2. Motivasi				
a. Nasihat		/		1
b. Pujian			/	1
3. Dendaan				
a. Cubit		/		1
b. Psikologi			/	1
c. Pukul atau rotan		/		1
Jumlah kekerapan	2	4	3	9

Terdapat juga GL yang memberi pujian kepada murid sebagai salah satu bentuk insentif, contohnya GL3 telah memberi pujian kepada murid LINUS yang telah membuat lembaran kerja dengan betul dan menguasai sesuatu kemahiran. Namun begitu, pujian itu tidak diberikan dengan

terlalu kerap supaya murid dapat menghargai pujian tersebut.

Ada tapi pujian itu kita kena bagi tapi tak boleh lah kerap sampai dia tak rasa nilai pujian tu kan...ganjaran tu setiap bulan memang saya akan bagi. Contohnya kalau saya tak sempat nak beli barang pun lima ringgit setiap bulan tengok murid yang paling bagus untuk bulan tu...kadang-kadang pensel warna...kadang-kadang roti...roti yang bunch tu kan... memang saya beli. (GL3/SJKT/TB3).

Dari segi dendaan pula, dua orang GL bersetuju bahawa dendaan perlu dikenakan kepada murid supaya memberi kesedaran kepada murid tentang sesuatu kesalahan yang mereka lakukan. Namun begitu, guru-guru LINUS ini menyedari keadaan diri murid-murid LINUS dan denda yang diberikan bersifat ringan dan tidak mendera murid. Guru LINUS juga bimbang sekiranya murid diberi denda akan timbul isu yang sensitif, misalnya aduan daripada ibu bapa. Hal ini terbukti dengan data temu bual bersama GL1 SK dan GL3 SJKT.

Tak tahu nak bagi denda macam mana nanti kalau denda tu berat sangat nanti ke...complain ke...Sebenarnya denda kena bagi tapi sekolah ni sensitif lah cikgu...kalau apa-apa saya denda ke apa nanti...mesti jadi punya...parents datang kat sini tau...guru besar sendiri kata jangan pukul...Saya suruh baca kalau saya...saya cakap apa tau...kalau tak...sampai kamu tak boleh baca tak boleh pergi makan...itu jer saya kata...sekejap jer lepas tu dah rehat tu dah boleh dah...Mungkin kalau setiap hari kita marah aja dia memang tak suka belajar (GL1/SK/TB3).

Saya rasa denda tu kadang-kadang perlu untuk kita nak sedarkan dia yang denda kita tak boleh buat denda ni boleh buat tapi bagi saya lah dia dah lemah... terabai dalam kelas... dia masuk kelas ni kita nak paksa dia macam mana kelas... lepas itu nak macam keras-keras memang tak boleh... sebabnya mereka ni macam golongan yang terabai dekat sekolah ni sebenarnya... tidak ada peluang nak ke depan... tidak ada peluang untuk nak *show...showkan* bakat dia... lagi lah saya rasa kita perlu macam... buat sesuatu secara lemah-lembut... mendidik secara berhemah... tak boleh nak kasar-kasar... tak boleh nak lempang ke. (GL3/SJKT/TB3)

Amalan Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Literasi Bahasa Melayu dari Segi Masa

Masa pula adalah peruntukkan masa yang cukup untuk murid mempelajari sesuatu kemahiran. Pengajaran dipengaruhi oleh dua jenis masa, iaitu masa yang diperuntukkan oleh pihak sekolah kepada guru untuk mengajar sesuatu mata pelajaran dan masa yang guru gunakan untuk mengajar serta masa yang murid gunakan untuk belajar bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Jadual 5: Amalan guru dalam pelaksanaan kemahiran literasi bahasa Melayu dari segi masa

Bil Masa	GL1	GL2	GL3	Jumlah GL
1. Jam Mengajar				
a. Melebihi dua puluh waktu			/	1
b. Kurang daripada dua puluh waktu	/	/		2
2. Kelas tambahan				
a. Anjuran sekolah	/			1
b. anjuran PIBG (tuisyen berbayar)		/		1
Jumlah kekerapan	2	2	1	5

Jadual 5 menunjukkan dapatan hasil temu bual dengan GL bagi amalan guru dalam pelaksanaan kemahiran literasi Bahasa Melayu dari segi masa. Hasil dapatan kajian mendapati masa atau jam mengajar yang diperuntukkan kepada GL di sekolah adalah antara 10 hingga 30 waktu seminggu untuk mengajar kemahiran literasi Bahasa Melayu. Peruntukkan ini bergantung kepada bilangan murid LINUS yang diajar bagi setiap sekolah serta mata pelajaran lain yang turut diajar oleh GL. GL1 diperuntukkan 15 waktu seminggu, GL2 diperuntukkan 10 waktu seminggu kerana GL ini turut mengajar mata pelajaran Sains dan Pendidikan Jasmani, manakala GL3 diperuntukkan 30 waktu seminggu mengajar murid-murid LINUS. Perbezaan jam mengajar GL bagi setiap jenis sekolah ini bergantung pada ketentuan pihak pentadbir sekolah.

Memandangkan murid-murid LINUS ini mudah lupa serta lemah untuk menguasai sesuatu kemahiran literasi bahasa, perjumpaan yang kerap

dengan murid membolehkan guru memberi tumpuan dan bimbingan yang sepenuhnya kepada murid. Selain itu, murid tidak mudah lupa dan senang untuk menguasai kemahiran dengan cepat. Hasil kajian mendapati, terdapat sekolah yang mengadakan kelas tambahan berbentuk tuisyen berbayar kepada murid-murid arus perdana dan LINUS. Murid LINUS yang berkemampuan boleh mengikuti kelas tambahan ini. Hal ini terbukti melalui hasil temubual bersama GL2 SJKC.

Ada tuisyen. Saya tahu ada beberapa dua orang murid... yang tak ada ikut tadika...bayar kepada PIBG punya... bukan saya.... Yang PIBG. Parent bayar kepada PIBG ..Tapi sebab sekolah ini ada tiga kelas... kelas satu M.M yang bijak punya... mesti... mesti ikut tuisyen. Kalau yang K.K dan M.K kelas... MKB kan... K dan B mereka boleh nak tuisyen atau tak tuisyen. Satu kali ada ..Hari Rabu dua jam... hari Khamis satu jam... dua kali seminggu, .untuk tahun Satu punya. (GL2/SJKC/TB4)

Bagi GL1 SK pula, beliau telah memperuntukkan masa tambahan setiap hari dengan mengadakan sesi bacaan pada waktu pagi sebelum murid masuk ke kelas. Murid-murid LINUS ini diajar membaca secara individu atau berkumpulan. GL1 berpendapat walaupun mereka dapat membaca dalam jangka masa yang pendek setiap hari, dapat mambantu mereka menguasai kemahiran membaca dengan lancar dan cepat. Hal ini terbukti dengan data temubual bersama GL1.


Bacaan saya ada buat pada murid... pagi-pagi suruh waktu dia orang datang sampai sekolah tu dia boleh...kelas start pukul 7.45... sebelum tu dia orang dah datang awal dah... saya 7.15 sampai 7.45 saya akan suruh dia orang baca datang sini baca... suruh baca. (GL1/SK/TB4)

Namun begitu, terdapat sekolah yang tidak mengadakan sebarang kelas tambahan kepada murid-murid LINUS ini atas faktor guru dan keselamatan murid. Jarak tempat tinggal GL yang jauh dengan sekolah menyukarkan guru membahagikan masa untuk mengadakan kelas tambahan. Tetapi apabila murid-murid LINUS ini diberi kelas tambahan selepas waktu persekolahan, pihak pentadbir bimbang keselamatan murid ketika pulang lambat dari sekolah. Hal ini terbukti dengan data temubual bersama GL3.

Kelas tambahan tidak ada. Dulu waktu tahun kedua saya mengajar ada tapi pentadbir tak bagi sebabnya bila kita lepaskan dia lambat balik takut apa-apa. Jadi, kalau awal pula saya jauh saya tak dapat nak datang awal.so kekangan macam tu lah, rehat dia nak makan... tidak ada waktu yang sesuai nak buat kelas itu. (GL3/SJKT/TB4)

Rumusan Amalan Guru LINUS dalam Melaksanakan Kemahiran Literasi Bahasa Melayu

Rajah 1 menunjukkan gambaran keseluruhan yang diamalkan oleh guru-guru LINUS di tiga buah sekolah rendah yang dikaji. Dapatan dalam Rajah 1 ini diperolehi melalui analisis data temu bual dan pemerhatian dengan menggunakan perisian ATLAS.ti.



RAJAH 1. Gambaran keseluruhan dapatan kajian berdasarkan empat amalan pelaksanaan kemahiran literasi Bahasa Melayu guru LINUS

PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati faktor guru merupakan faktor yang paling penting dalam memastikan penguasaan kemahiran literasi Bahasa Melayu murid-murid LINUS. Segala amalan guru dalam pelaksanaan kemahiran literasi Bahasa Melayu menentukan tahap penguasaan murid. Kelemahan yang dimiliki oleh murid-murid ini untuk menguasai kemahiran berbahasa dengan inisiatif sendiri amat menyukarkan mereka jika tanpa bantuan dan bimbingan oleh guru-guru LINUS ini. Kajian Chew Fong Peng (2015) mendapati bahawa murid-murid LINUS akan seronok belajar Bahasa Melayu apabila guru membantu murid mengikuti sesi P&P LINUS dengan menarik dan berkesan.

Secara keseluruhannya, sepanjang kajian dijalankan melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, didapati guru-guru daripada ketiga-tiga buah sekolah ini (SK, SJKC dan SJKT) menunjukkan sikap yang berdedikasi, mesra, bertanggungjawab dan menepati ciri-ciri guru yang baik. Namun begitu, dari segi kemahiran pedagogi dan komunikasi masih terdapat kekurangan yang perlu diperkembangkan dari segi kemahiran dan pengetahuan bagi ketiga-tiga jenis sekolah rendah ini. Dapatan ini menyokong kenyataan Palloway et al. (2009) yang berpendapat keberkesanan pengajaran guru untuk murid-murid keperluan khas ini banyak berkait dengan sikap, motivasi dan kemahiran mengajar yang dimiliki oleh seseorang guru.

Bagi memastikan keberkesanan P&P murid-murid LINUS, guru-guru LINUS perlu berinovasi dan berkemampuan dalam beberapa aspek, iaitu menguasai pengetahuan teoritikal berkaitan psikologi murid-murid bermasalah pembelajaran, mempunyai sikap yang boleh merangsang pembelajaran menjadi lebih menarik, hubungan yang ikhlas terhadap murid-murid LINUS, menguasai pengetahuan dalam LINUS dan menguasai kemahiran pedagogi LINUS. Sebagai guru LINUS, mereka perlu jelas dan memastikan murid-murid LINUS tahu isi kandungan pembelajaran, pemahaman mereka terhadap pengajaran guru dan kesan apabila belajar perkara-perkara tersebut. Hal ini yang akan menentukan tahap kualiti pengajaran seseorang guru LINUS.

Dari segi kemahiran pedagogi, pengkaji mendapati amalan guru dari segi kaedah pengajaran langsung dan berpusatkan guru dapat

membantu guru memberi tumpuan sepenuhnya kepada murid-murid LINUS. Hal ini dapat membina satu hubungan komunikasi yang lebih baik antara murid dan guru LINUS dan membina semangat yang positif dalam diri murid-murid ini bahawa guru bersungguh-sungguh untuk membantu mereka membaca dan menulis. Mereka akan lebih berusaha ke arah itu dan seterusnya pencapaian mereka dalam penguasaan kemahiran literasi Bahasa Melayu akan menjadi lebih baik. Kajian Khalid et al. (2009) mendapati faktor pengalaman mengajar mempengaruhi pedagogi mengajar guru. Menurut Mohd Zuri dan dan Aznan (2013), murid bermasalah pembelajaran seperti murid-murid LINUS ini memerlukan kaedah pengajaran yang menggalakkan proses interaksi.

Menerusi Program LINUS, perkembangan murid-murid LINUS diperkukuhkan apabila jati diri murid-murid dititikberatkan. Nilai dan kekuatan yang positif murid-murid LINUS diperkembangkan, diperkukuh menerusi program pelaksanaan yang melibatkan murid-murid LINUS. Komitmen pihak yang terlibat seperti guru, ibu bapa, pihak pentadbir sekolah dan masyarakat amat diperlukan oleh murid-murid ini. Peluang dan ruang perlu diberi kepada mereka, misalnya aktiviti atau program bahasa yang dianjurkan di sekolah. Peluang dan ruang yang diberikan ini adalah supaya mereka bersedia menghadapi cabaran belajar di kelas arus perdana dan lebih berkeyakinan tinggi bergaul dengan masyarakat sekeliling.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian ini terhadap murid-murid LINUS ialah murid-murid LINUS dapat menguasai kemahiran literasi bahasa dengan baik menerusi bimbingan sepenuhnya oleh guru. Pencapaian murid-murid LINUS dapat ditingkatkan dan ini membolehkan mereka belajar bersama-sama dengan murid di kelas arus perdana. Hasil gabungan amalan guru yang berkesan dari segi kualiti pengajaran dan pembelajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif, masa, kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap murid, iaitu pengajaran secara langsung serta faktor peribadi guru dapat melahirkan murid-murid LINUS yang boleh membaca dan menulis dalam tempoh masa yang cepat.

Murid-murid LINUS juga lebih bermotivasi dan turut mempunyai kelebihan contohnya, ada antara murid-murid LINUS ini memiliki kemahiran bersosial yang tinggi, mempunyai ramai kawan, kreatif dalam seni lukis dan kelebihan dalam aktiviti fizikal dan sukan. Melihat ciri-ciri kelebihan yang ada pada murid-murid LINUS ini amat membantu guru memikirkan dan menggunakan cara yang sesuai untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan membaca dan menulis mereka contohnya, murid-murid yang bermasalah untuk menulis mungkin bermasalah dengan kemahiran motor dan murid-murid yang bermasalah membaca mungkin mempunyai gangguan bahasa lisan.

Menurut Mahzan (2008), sekolah memainkan peranan penting dalam pembentukan pengetahuan seterusnya penguasaan kemahiran literasi murid. Sekolah juga merupakan pusat penjana ilmu bagi memastikan murid-murid menguasai literasi kerana mereka adalah aset dan modal insan kepada negara. Oleh itu, pelaksanaan Program LINUS mempunyai implikasi kepada pembangunan negara kerana penyediaan murid-murid yang menguasai literasi ialah pelaburan kepada pembangunan negara secara keseluruhan.

KESIMPULAN

Dalam konteks kajian ini, peranan guru, murid, ibu bapa dan pihak sekolah merupakan salah satu penunjang kejayaan Program LINUS. Selain itu, faktor pentadbir yang jelas akan objektif Program LINUS dan kolaboratif seluruh warga sekolah merupakan elemen yang mendorong kejayaan pelaksanaan Program LINUS di sekolah. Kajian ini diharap dapat menyumbang kefahaman, implikasi dan cadangan yang mendalam kepada pelaksanaan program pendidikan berkaitan literasi bahasa pada masa hadapan. Guru yang berkesan akan sentiasa memberikan motivasi dan galakan kepada murid-murid dan selalu memantau kemajuan murid melalui pelbagai bentuk penilaian. Oleh itu, pengajaran yang berkesan bukan sahaja bergantung kepada kebolehan guru mengajar dengan baik tetapi lebih daripada itu.

RUJUKAN

Chew Fong Peng. (2015). Pelaksanaan program literasi dan numerasi (LINUS) di sekolah

- rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2): 1-11.
- Hasnalee Tubah & Zulkifley Hamid. (2011). Pengaruh demografi terhadap kemahiran membaca dan memahami dalam kalangan murid-murid LINUS. *Jurnal Melayu*, 6: 29-47.
- Jabatan Perdana Menteri. (2010). NKRA Pendidikan. Putrajaya.
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Othman & Ahamd Tajuddin Othman. (2009). Pengaruh jenis latihan guru dan pengalaman mengajar terhadap efikasi guru sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34 (2): 3-14.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Modul Latihan Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah Bahasa Melayu*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Strategi perancangan dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad. 2011. *Kaedah dan strategi pengajaran kanak-kanak berkeperluan khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Petaling Jaya: McGraw Hill (M).
- Polloway, E.A. Patton, J.R., & Serna. L. (2001). *Strategies for teaching learner with special needs*. 7th Ed. Columbus, OH: Merrill.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (2017). *Inovasi pembelajaran dan pengajaran: Mengoptimalkan pembelajaran pelajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.